Tatabahasa

Kelasku Inspirasiku

Hadif menulis sepucuk surat kepada rakannya untuk menceritakan perihal kelasnya.

Hadif bin Husin,
14, Taman Impian,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

20 Mac 20□□.

Menemui sahabatku, Anding, yang berada di Sarawak.

Saudara,

Apa khabar? Diharapkan saudara dan keluarga sihat selalu. Saya dan keluarga sihat-sihat sahaja di sini.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk ( ) tentang kelas saya. Kelas saya telah dipilih sebagai kelas terbersih untuk bulan ketiga berturut-turut. Semuanya berkat kesungguhan murid-murid yang ( ) untuk membersihkan kelas.

Setiap hari, guru bertugas akan memeriksa kelas kami. Markah diberikan ( ) kriteria yang ditetapkan. Oleh sebab itu, kami akan segera membersihkan kelas selepas ( ).

Guru kelas saya selalu ( ) supaya kami sentiasa menjaga kebersihan. Tempat yang berhabuk menyebabkan kita ( ). Untuk mengelakkannya, kami sentiasa mengelap tingkap.

Akhir kata, saya ( ) agar saudara dapat menceritakan aspek kebersihan di sekolah saudara. Semoga kita akan ( ) lagi dalam warkah seterusnya.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Hadif





berpesan

bertugas

berehat

bersin

berharap

bercerita

bertemu

berpandukan

Munsyi Cilik

Kata kerja aktif tak transitif terdiri daripada:

(a) kata kerja aktif tak transitif berpelengkap

Contoh:

Adik **berdiri** di tepi pintu.
(pelengkap)

(b) kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap

Contoh :

Semua murid bangun.

Aktiviti

Menggunakan kata kerja yang diberikan untuk melengkapkan teks.

Nota Guru 5.1.2 (i)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif tak transitif mengikut konteks.
- Bimbing murid menulis karangan surat tidak rasmi.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual
KBAT: Mengaplikasi
EMK: Nilai Murni: Amalkan sikap sopan

LIVEWORKSHEETS